

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 DISEMBER 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Hasil eksport produk bioteknologi naik berganda kepada RM2 Bilion dalam 2016	BERNAMA
2.	Polis P.Pinang rampas 199 botol cecair vape disyaki mengandungi dadah	BERNAMA



Hasil Eksport Produk Bioteknologi Naik Berganda Kepada RM2 Bilion Dalam 2016

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Jumlah pendapatan eksport produk-produk bioteknologi dijangka naik berganda kepada RM2 bilion tahun depan berbanding RM1 bilion tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Biotechnology Corp Sdn Bhd (BiotechCorp), Datuk Mohd Nazlee Kamal, berkata industri kesihatan menyumbang sebanyak 70 peratus daripada jumlah pendapatan eksport dan 30 peratus lagi disumbangkan oleh makanan serta segmen lain.

"Syarikat-syarikat bioteknologi mendapat manfaat melalui faktor pertukaran asing disebabkan ringgit yang lebih rendah berbanding dolar US.

"Kos pengeluaran tetap sama dan syarikat-syarikat mendapat lebih ringgit berikutan produk yang dijual dalam dolar US," katanya kepada pemberita selepas persidangan mengenai 'Sesi Rangkaian Pelaburan Bioekonomi 2015' di sini Jumaat.

Sesi itu yang mengumpulkan wakil-wakil dari syarikat bioteknologi dan institusi kewangan, bertujuan untuk mencari mekanisme pembiayaan bagi syarikat yang mahu bermula, syarikat pertengahan dan syarikat yang sudah matang.

Mohd Nazlee berkata sesi rangkaian hari ini dijangka membantu syarikat-syarikat bioteknologi mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan disebabkan mekanisme pembiayaan sekarang hanya meliputi 10 peratus daripada kos projek.

Beliau ketika bercakap mengenai pelaburan bioteknologi, berkata, Malaysia meraih kira-kira RM4 bilion tahun ini.

Untuk tahun depan, pelaburan itu dijangka berkurangan kepada RM2 bilion.

"Ini disebabkan oleh pelbagai faktor ekonomi global. Bagi tahun depan, kami menjangkakan 70 peratus daripada pelaburan adalah bersifat domestik dan 30 peratus merupakan pelaburan langsung asing," katanya.

Dari 2011 sehingga September 2015, BiotechCorp telah memperoleh pelaburan menghampiri RM25 bilion, melepasi sasaran RM9 bilion yang ditetapkan oleh Polisi Malaysia Bioteknologi, katanya.

Mohd Nazlee berkata sebanyak RM5 bilion pelaburan telah pun menjadi kenyataan manakala baki RM25 bilion lagi akan direalisasikan secara beransur-ansur.

Mengenai prospek, katanya, BiotechCorp akan memberi tumpuan kepada 48 projek Program Transformasi Bioekonomi, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM18.2 bilion, yang mana 15 projek tersebut adalah projek berimpak tinggi.

"Sejumlah 15 projek itu dijangka menyumbang RM3 bilion kepada pendapatan kasar negara pada tahun depan," katanya.



Polis P.Pinang Rampas 199 Botol Cecair Vape Disyaki Mengandungi Dadah

GEORGE TOWN, 19 Dis (Bernama) -- Polis Pulau Pinang merampas 199 botol cecair vape yang disyaki mengandungi dadah dalam satu serbuan di sebuah premis di Jalan Tanjung Tokong dekat sini petang semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Pulau Pinang Supt Guan Beng Kang berkata dalam operasi Ops Vapor itu, polis berjaya menahan seorang lelaki berbangsa Cina berusia 24 tahun yang merupakan pemilik premis tersebut.

"Bertindak atas maklumat dadah, polis berjaya menangkap lelaki itu pada pukul 5 petang dan merampas 199 botol cecair yang disyaki mengandungi dadah pelbagai jenama dengan anggaran harga pasaran dadah bernilai RM12,000," katanya pada sidang akhbar di sini Sabtu.

Guan berkata bagaimanapun, kandungan sebenar cecair tersebut masih dalam siasatan dan ia dihantar ke [Jabatan Kimia](#) untuk dianalisa.

"Ini merupakan operasi pertama yang dilakukan dan pihak polis akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa di seluruh premis jualan cecair vape di Pulau Pinang berikutan ia kini menjadi satu trend yang semakin membimbangkan," katanya.

Beliau berkata cecair yang tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan itu dipercayai dijual dengan harga RM40 hingga RM80 sebotol bergantung kepada saiz botol serta perisanya.

Guan berkata kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 12(3) Akta Dadah Berbahaya 1952.

-- BERNAMA